


BN rampas Terengganu

Um - 22/3/2004, pg. 1, 2



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak mengangkat tangan sebagai tanda kejayaan sebaik sahaja Barisan Nasional diumumkan menang majoriti dua pertiga di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur malam tadi. Gambar kiri menunjukkan Idris Jusoh dijulung di perkarangan Pejabat UMNO Bahagian Besar, Terengganu sejurus diisytiharkan menang kerusi Dewan Undangan Negeri Jerlth.

Oleh WARTAWAN UTUSAN

KUALA LUMPUR 21 Mac - Rakyat Malaysia memberi mandat cukup besar dan bermakna kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membawa lebih banyak perubahan kepada masa depan negara.

Malah, kuasa rakyat yang diterjemahkan pada pilihan raya umum ke-1 ini,

telah mengembalikan Terengganu ke pangkuan Barisan Nasional (BN).

BN memperoleh kerusi Parlimen ke-146 pada pukul 1.50 pagi - membentuk majoriti dua pertiga di Parlimen yang mengandungi 219 kerusi. Setakat pukul 2 pagi, BN telah menang 163 kerusi manakala pembangkang enam kerusi.

BN berjaya membentuk kerajaan dengan majoriti mudah pada pukul 12.50 tengah malam apabila Pengerusi Suru-

hanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman mengumumkan BN menang 110 kerusi Parlimen.

Pencapaian BN di Kelantan pula adalah lonjakan dan terbaik sejak pilihan raya umum 1990 apabila ia merampas banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) negeri itu.

Keputusan muktamad bagi kedudukan DUN di Kelantan hanya dapat diisytiharkan esok setelah kertas undi bagi bebera-

pa kerusi lagi akan dikira semula.

Pas mendakwa ia menang 24 daripada 45 kerusi manakala BN pula mengatakannya ia menang 23 kerusi.

Kedudukan rasmi SPR sehingga 2 pagi bagaimanapun menunjukkan BN menguasai 15 kerusi manakala Pas menang 21 kerusi DUN Kelantan.

Pencapaian cemerlang BN kali ini sebagai tanda seluruh rakyat bersama-sama Abdullah untuk memacu Malaysia ke

arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang - kunci manifesto BN.

Rakyat telah bangkit menyahut seruan Abdullah untuk mendapatkan mandat lebih besar bagi memudahkan kerajaan pimpinannya melaksanakan pelbagai pembaharuan.

Ia juga sebenarnya cerminan sokongan tidak berbelah bahagi rakyat kepada